



JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia yang berkelayakan serta berumur 25 tahun ke atas. Keutamaan diberi kepada Rakyat Negeri Pahang untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Pusat Kutipan Zakat Pahang:

1. Pegawai Pentadbiran (TETAP)

Syarat Kelayakan

- i. Warganegara Malaysia, berumur tidak kurang dari 25 tahun pada tarikh tutup iklan.
- ii. Memiliki Ijazah Sarjana Muda (Dengan Kepujian) dalam bidang Pengurusan Pejabat (Office Management) atau Pentadbiran Perniagaan (Business Admin), Pengurusan Awam, atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- iii. Mempunyai pengalaman minimum 5 tahun dalam bidang pentadbiran syarikat.
- iv. Mendapat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- v. Kriteria yang diambil kira:
 - Berkebolehan membaca Al-Quran dengan sempurna, bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik;
 - Berpengalaman luas dalam mengendalikan protokol, urusan surat-menyurat rasmi, serta prosedur pentadbiran kerajaan atau korporat terutamanya dengan penguatkuasa tempatan;
 - Mempunyai kemahiran dalam menggunakan teknologi maklumat (Microsoft Office) serta bijak menggunakan media sosial sebagai medium komunikasi korporat dan penyaluran maklumat jabatan.
 - Peka terhadap isu-isu semasa yang menyentuh organisasi, serta berkeupayaan untuk melakukan analisis risiko dan menyediakan pelan penyelesaian masalah dengan pantas;
 - Berupaya membina dan mengekalkan hubungan kerjasama yang erat dengan pihak berkepentingan (*supplier*), dalaman (kakitangan) dan luaran (vendor, agensi kerajaan, media)

- Mempunyai ciri kepimpinan yang tegas namun berempati untuk menyelia kakitangan di bawah Bahagian Pentadbiran bagi mencapai petunjuk prestasi utama (KPI).
- Menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi, amanah dalam menguruskan aset/bajet jabatan, dan menjaga kerahsiaan maklumat organisasi.

Gaji asas yang ditawarkan **bermula dari RM2,450.00** dan elaun tetap berdasarkan kelayakan dan pengalaman tertakluk kepada Skim Perkhidmatan PKZ Pahang.

Cara memohon:

- i. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang boleh dicetak dari laman sesawang www.zakatpahang.my
- ii. Borang hendaklah disertakan dengan:
 - Resume;
 - Sekeping gambar ukuran pasport;
 - Salinan kad pengenalan pemohon;
 - Sijil lahir pemohon, ibu dan bapa;
 - Sijil-sijil kelayakan akademik;
 - Lain-lain dokumen yang berkaitan yang diakui salinan sah;
- iii. Borang yang telah lengkap boleh dihantarkan kepada alamat berikut:

Ketua Pegawai Eksekutif
Ibu Pejabat Pusat Kutipan Zakat Pahang
No.111A, Tingkat 1, Bangunan MUIP,
Jalan Mahkota, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
(U.P.: Bahagian Sumber Manusia)
- iv. Sila tulis nama jawatan yang dimohon pada sebelah penjuru kiri atas sampul surat.

Perhatian

- (i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk di temuduga.
- (ii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas (1) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (iii) **Tarikh Tutup Permohonan ini adalah pada 19 Mac 2026 (Khamis).**